

Ucapan ini disampaikan oleh YABhg Datin Seri Endon binti Mahmood,  
isteri YAB Timbalan Perdana Menteri

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN "OPEN MINDS GIVING"  
DI NATIONAL AUTISTIC SOCIETY  
OF MALAYSIA (NASOM), KUALA LUMPUR  
PADA HARI SABTU, 30 OKTOBER 1999  
JAM 10.00 PAGI

---

*"WA WASAN MASYARAKAT PENYA YANG MALA YSLA"*

Saya merasa gembira apabila diminta untuk melancarkan Kempen 'Open Minds' pada hari ini. Ianya menyentuh naluri saya dan begitu dekat di hati.

2. Saya ingin memperkatakan tentang Wawasan Masyarakat Penyayang Malaysia. Saya rasa tidak salah jika saya mengatakan bahawa kita, rakyat Malaysia menganggap diri kita sebagai sebuah masyarakat yang penyayang. Salah satu dasar Wawasan 2020 adalah, Malaysia, pada abad yang akan datang bukan sekadar menjadi masyarakat yang maju tetapi juga masyarakat yang prihatin dan penyayang. Negara kita sentiasa mengambil kira keperluan sosial selain daripada kemajuan ekonomi.

3. Setiap hari kita dipaparkan dengan gambaran-gambaran sifat prihatin dan penyayang yang ada pada kita melalui media cetak dan elektronik. Setiap hari, ada di antara kita yang menyumbangkan dan memberi agar seorang anak kecil dapat menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang atau pun pembedahan jantung berlubang, dan lain-lain lagi.

4. Sifat pemurah kita juga terserlah semasa kempen-kempen dijalankan untuk membant rakyat-rakyat di luar negara yang kurang bernasib baik. Sengketa rakyat Bosnia, Kosovo dan Turki merupakan contoh-contoh yang baik, dimana rakyat Malaysia telah tampil ke hadapan untu menghulurkan bantuan.
5. Mungkin sifat-sifat pemurah, prihatin dan penyayang ini adalah sifat-sifat semulajadi yang telah sehati dengan budaya dan warisan kita.
6. Kebanyakan daripada kita telah membesar di dalam struktur keluarga besar yang secar tradisinya merupakan punca sokongan dan bantuan bagi ahli keluarga yang memerlukannya.
7. Dan sikap yang samajuga sering dibawa keluar ke dalam masyarakat majmuk.
8. Akan tetapi, kekuatan sokongan kekeluargaan ini teruji dalam kita melalui perubaha pantas dari sebuah masyarakat berunsurkan nilai-nilai perkampungan kepada sebuah masyarakat yang berteraskan pembangunan industri dan teknologi.
9. Sebagai contoh, dalam kepesatan pembangunan, terdapat golongan remaja Malaysia yang tersepit dan terawang-awang di dalam sebuah alam yang penuh dengan kekeliruan nilai-nilai dan cita-cita.
10. Memang diakui, bukan mudah untuk kita memahami tekanan-tekanan yang dihadapi oleh golongan remaja ini, lebih-lebih lagi bagi kita yang datang dari golongan generasi yang terdahulu dari mereka, kerana kita telah dibesarkan dengan nilai-nilai dan pengaruh-pengaruh yang berlainan. Tetapi, golongan remaja inilah yang lebih memerlukan perhatian dan kasih sayang kita agar masa hadapan mereka lebih terjamin.

11. Di sini, saya ingin menarik perhatian terhadap satu golongan di dalam masyarakat kita dan memaklumkan situasi kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas dan juga memerlukan keprihatinan kita.
12. Malangnya, keperluan dan keadaan mereka telah membina jurang di antara mereka dan masyarakat. Mereka sering dibezakan atau mungkin, lebih buruk lagi, tidak diterima.
13. Kita perlu mengkaji, kenapa kita, sebagai manusia sering curiga antara satu sama lain. Terutama sekali apabila mereka itu berbeza dari kita dan apabila kita tidak boleh memahami mereka.
14. Malah, ada kalanya kita menganggap orang yang berbeza ini sebagai satu ancaman. Kita akan sama ada mengetepikan mereka dan tidak mengendahkan mereka sama sekali atau pun fikiran kita akan membina sebuah tembok pertahanan yang akan membuat kita menjauhi mereka dan pada masa yang sama menjauhkan mereka dari kita.
15. Diantaranya adalah mereka yang lahir dengan sindrom "Down", autisme ataupun palsy serebrum (cerebral palsy).
16. Beribu-ribu kanak-kanak Malaysia mengalami keadaan ini. Malah, satu dalam 500 orang kanak-kanak Malaysia lahir dengan salah satu daripada keadaan ini. Walau bagaimanapun, jika diberi pendidikan dan jagaan khas, mereka boleh dibimbing untuk menjalani hidup yang lebih bermakna. Tetapi kebiasaannya masyarakat tidak mahu mengambil tahu. Mereka tidak ambil prihatin.
17. Salah satu masalah yang timbul adalah, keadaan kanak-kanak ini tidak dikenal pasti - dinafikan - ataupun disembunyikan akibat rasa malu. Bantuan yang sewajarnya tidak diberikan ataupun tidak mudah didapati.

18. Pada dasarnya, seperti kita, kanak-kanak yang hidup dengan keadaan seperti sindrom "Down", autisme dan palsi serebrum, mempunyai kelebihan tersendiri - yang kebiasaannya tidak diketahui tetapi perlu dipupuk dan diberi rangsangan.
19. Masalahnya adalah kerana ianya memerlukan pelaburan yang besar dari segi masa, kesabaran, dedikasi dan kasih sayang untuk membantu mereka. Mereka memerlukan guru-guru terlatih dan ibubapa yang prihatin.
20. Kanak-kanak istimewa ini, dengan sokongan secukupnya akan menjadi individu yang berinspirasi tinggi dan akan dapat mengatasi berbagai-bagai rintangan untuk menjalani hidup yang penuh dengan pencapaian dan kasih sayang.
21. Ganjaran bagi organisasi-organisasi dan orang-orang yang komited terhadap perkembangan kanak-kanak ini amatlah besar. Walaupun perjalanan untuk menjamin masa hadapan setiap kanak-kanak ini penuh dengan cabaran, namun, kegembiraan melihat mereka berjaya mengatasi segalanya. Begitu juga dengan balasan kasih sayang yang dicurahkan oleh kanak-kanak ini.
22. Ia memerlukan fikiran terbuka atau "Open Minds" bagi kita semua, untuk mengakui dan menerima hakikatnya bahawa kanak-kanak istimewa ini berhak dibantu untuk mencapai potensi mereka melalui pendidikan.
23. Untuk tujuan ini, saya dengan besar hati ingin memperkenalkan para hadirin sekalian kepada program pembangunan masyarakat "Open Minds" yang telah dirancang khas untuk membantu kanak-kanak istimewa ini.
24. Program sukarela ini adalah cetusan Procter and Gamble (Malaysia) Sendirian Berhad, pembuat barangan keperluan rumah yang ternama di negara ini, dan program ini adalah dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

25. Saya dengan besar hatinya menerima penghargaan untuk menjadi penaung program ini - sebagai seorang doktor - seorang ibu - dan juga sebagai rakyat Malaysia yang prihatin.
26. Dalam tahun pertama ini, fokus Open Minds akan ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menyediakan pendidikan khas bagi kanak-kanak yang hidup dengan keadaan seperti sindrom "Down", autisme dan palsy serebrum agar mereka dapat berkembang ke tahap maksimum potensi mereka.
27. Matlamat bagi tahun pertama ini adalah untuk mengumpulkan RM 1 juta menjelang hujung tahun ini agar sekolah-sekolah pendidikan khas seperti Nasom boleh memiliki bangunan sekolah mereka sendiri.
28. Saya difahamkan kakitangan P&G sendiri yang akan mengelolakan program 'Open Minds' ini di luar jadual kerja seharian mereka, dengan bantuan khidmat pengurusan dan daya usaha kreatif yang diberi percuma oleh agensi-agensis pengiklanan dan perhubungan awam, organisasi-organisasi media serta rakan-rakan perniagaan P&G.
29. Sememangnya ini merupakan satu usaha pihak swasta yang patut dipuji dan dijadikan contoh. Saya menggesa semua rakyat Malaysia supaya memberikan sokongan padu terhadap program ini, sejajar dengan wawasan kita sebagai sebuah negara yang penyayang.
30. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan kempen "Open Minds Giving" anjuran Proctor & Gamble (M) Sdn Bhd dengan rasminya.

\*\*\*\*